

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
PERAK**



Semua Ketua Jabatan/  
Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 9 TAHUN 2008**

**PINDAAN KEPADA PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 3 TAHUN 2008 BERKENAAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA  
BERHEMAT DAN LANGKAH MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan terhadap perlanjutan tempoh pengeluaran Pesanan Tempatan dan Inden Kerja.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Melalui Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 3 Tahun 2008 Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat dan langkah Mengurangkan Perbelanjaan Awam, Para 7 menyatakan Ketua Jabatan

perlu memastikan semua peruntukan yang diluluskan mempunyai jadual pelan tindakan dan dibelanjakan mengikut perancangan sebelum akhir tahun untuk menghabiskan peruntukan tidak dibenarkan sama sekali. Semua Pesanan Tempatan dan Inden Kerja bagi perbelanjaan yang benar-benar perlu hendaklah pada atau sebelum 31 Oktober 2008.

### **3. PINDAAN**

- 3.1. Setelah mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi oleh jabatan, maka dipersetujui tempoh pengeluaran Pesanan Tempatan di bawah Objek Sebagai 27000 (Bekalan Pejabat) dan Objek Am 30000 (Aset) serta Inden Kerja bagi kerja-kerja yang boleh dirancang dan bukan kecemasan/darurat dilanjutkan sehingga 15 November 2008.
- 3.2. Manakala pengeluaran Pesanan Tempatan dan Inden Kerja untuk butiran perbelanjaan untuk butiran perbelanjaan selain daripada perenggan 3.1 di atas dan kerja-kerja kecemasan/darurat yang tidak dapat dielakkan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2008.

### **4. PENUTUP**

- 4.1 Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan perlu memastikan semua peruntukan yang diluluskan mempunyai jadual pelan tindakan dan dibelanjakan mengikut perancangan sebelum akhir tahun. Perbelanjaan yang dikumpulkan dan hanya dibuat pada penghujung tahun untuk menghabiskan peruntukan tidak dibenarkan sama sekali. Dengan ini, perenggan 7 dalam Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 3 Tahun 2008 adalah terbatal.


## 5. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

**5** November 2008

s.k Bendahari Negeri  
Perak Darul Ridzuan